

# Duta universiti lonjak taraf hidup luar bandar

**STRATEGI Lautan Biru Kebangsaan 5 (NBOS 5)** merupakan satu inisiatif merentas Kementerian yang melibatkan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) untuk melaksanakan aktiviti yang memberi manfaat kepada masyarakat.

Salah satu program utama yang dijayakan di bawah NBOS 5 ialah Program University Ambassador (UAP) yang diterajui Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan diselaraskan oleh Jabatan Pengajian Tinggi (JPT).

Di bawah UAP terdapat empat inisiatif untuk dijayakan iaitu inovasi dan teknologi, memupuk minat dalam matematik dan sains, pembelajaran sepanjang hayat dan usahawan mikro.

UAP telah melantik 63 duta universiti daripada enam buah IPTA iaitu Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) untuk melaksanakan program yang dapat meningkatkan taraf hidup rakyat.

Terdapat tujuh program bermanfaat dilaksanakan di bawah UAP iaitu:

1 **C-Ways** - Duta universiti dari UTM membantu pengusaha labu sayong memasarkan produk keluaran mereka dengan memberi bantuan dari segi pembungkusan produk,



penjanaan semula dan penempatan semula labu sayong untuk menembusi pasaran yang lebih luas.

2 **ICT Village** - Duta universiti dari USM membantu mendedahkan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) kepada penduduk setempat di Felda Besout 2, Perak dengan menggunakan kemudahan yang terdapat di Pusat Jalur Lebar Komuniti dan Medan Info Desa.

3 **SMARTORS** - Duta universiti UiTM bekerjasama dengan guru cemerlang untuk memupuk dan mempertingkatkan minat terhadap subjek Matematik dan Sains di kalangan pelajar sekolah. Program perintis diadakan di Sekolah Kebangsaan Trolak Utara, Perak dengan kerjasama Kementerian Pelajaran.

4 **Mobile Siswa** - Duta universiti UIAM menggunakan perpustakaan bergerak bagi menyampaikan ilmu pengetahuan kepada masyarakat setempat dengan berfokuskan kepada *niche area* bagi kawasan berkenaan.

5 **Agro Desa** - Duta universiti dari UiTM akan membantu menyediakan petani dengan kemahiran yang diperlukan untuk menjadi usahawan tani yang berjaya. Program ini diadakan di Parit, Mukim Belanja, Perak melalui kerjasama dengan FAMA dan Jabatan Pengajian

Kolej Komuniti.

6 **ME UniInterns** - dalam program ini duta universiti dari USIM akan membantu usahawan mikro memperbaiki prestasi perniagaan mereka dengan menggunakan model SME UniInterns daripada SME Corps. Program perintis bagi ME UniInterns telah diadakan di sekitar Gopeng dengan melibatkan produk kek tradisional dan juga makanan sejuk beku.

7 **iParents** - Duta universiti UPSI bekerjasama dengan guru cemerlang bagi membantu ibu bapa di Felda Besout 1 yang mempunyai anak yang lemah dalam subjek Sains dan Matematik.